



## Terms and Conditions

### RHB Credit Card/-i Acquisition Campaign (October - December 2023)

1. The “RHB Credit Card/-i Acquisition Campaign (October - December 2023)” (“Campaign”) is organized by RHB Bank Berhad (Registration No 196501000373 (6171-M) and RHB Islamic Bank Berhad (“Registration No 200501003283 (680329-V”) (both herein referred to as “RHB” unless specifically distinguish). RHB Credit Card and RHB Credit Card-i will be collectively referred to as “RHB Card”.

#### CAMPAIGN PERIOD

2. This Campaign comprises of the following period (“Campaign Period”):
  - a. Sign up period is from 1 October 2023 to 31 December 2023, both dates inclusive and is defined as the period when the Eligible Applicant (as defined in clause 3 below) applies and activate their new RHB Card.
  - b. Spend period is from 1 October 2023 to 28 February 2024, both dates inclusive and is defined as the period when the Eligible Applicant (as defined in clause 3 below) spend with their new RHB Card (refer to Note at Clause 8).

#### ELIGIBILITY

3. Except for exclusion as outlined in clause 4, this Campaign is open to all new principal and supplementary RHB Card cardholder issued by RHB, inclusive of RHB Card issued to RHB Banking Group’s staff (“Eligible Applicant”).
4. This Campaign is not applicable to:
  - a. Existing RHB Card cardholder;
  - b. any Applicant who has cancelled any of his/her RHB Card within twelve (12) months before the date of application and is applying for RHB Card under the Campaign;
  - c. Any other persons who have committed or suspected to have committed and fraudulent or wrongful acts in relation to his/her any RHB account or any facility, service or accommodation granted by RHB as RHB may decide to exclude that person from participating in this Campaign at its discretion with prior written notice.
  - d. Card Upgrade Application – upgrade of existing RHB card to another new RHB Card;
5. For Eligible Applicant who applies RHB Shell Visa Credit Card/-i from 1 October 2023 to 31 December 2023:
  - a. Eligible Applicant is entitled for Bonus Tier rewards only as illustrated in Clause 8.
  - b. Eligible Applicant is entitled to participate in RHB Shell Visa Credit Card/-i Acquisition Campaign (Jul – Dec 2023). For full set of terms and conditions, please refer to <https://www.rhbgroup.com/latest-promotions/index.html>



## PARTICIPATION CRITERIA

6. Eligible Applicant must fulfill the following criteria (herein to be referred as “Participation Criteria”) during the period mentioned below:
  - a. Apply for any principal/supplementary RHB Card during the Campaign Period;
  - b. Eligible Applicant to use his/her RHB Card on any Eligible Transaction (as defined in clause 7 below).

If an Eligible Applicant hold both RHB Card (Conventional and Islamic), transactions made using each card will not be combined to meet the Participation Criteria.

## ELIGIBLE TRANSACTION

7. Eligible Transaction for this Campaign that are charged to any of the Eligible Applicant’s RHB Card including the supplementary RHB Card within the Campaign Period.
  - a. All retail transactions including e-wallet top-up.
  - b. The following transactions are **not classified** as Eligible Transaction:
    - i. Cash Advance & Quasi Cash
    - ii. Instalments paid for the 0% Instalment Plan
    - iii. Balance transfer transactions
    - iv. Easy cash & the instalments paid transactions
    - v. Instalments paid for Dial-An-Instalment programme
    - vi. Refunds
    - vii. Disputed, unauthorized or fraudulent retail transactions
    - viii. Payment of annual fee on the annual fees
    - ix. Interest or Management Fee payments
    - x. Late payment charges, charges for cash withdrawals and any other form of service/miscellaneous fees
    - xi. Charity and government related transactions with merchant category codes (MCC) below:

| Spend Category | MCC Description                              | MCC  |
|----------------|--|------|
| Charity        | Charity or Social Service Organisations      | 8398 |
| Government     | Court cost including alimony and child       | 9211 |
|                | Fines  | 9222 |
|                | Bails and bond payments                      | 9223 |
|                | Tax payment                                  | 9311 |
|                | Government services                          | 9399 |
|                | Postal services – government only            | 9402 |
|                | Intra-government purchases – government only | 9405 |



## CAMPAIGN OFFER

8. The Campaign Offer is as per table below throughout the Campaign Period:

| Tier         | Mechanic   | Cashback (RM)                    | Monthly capping per Campaign Month (#) | Total Campaign capping (RM) |
|--------------|--|----------------------------------|--|-----------------------------|
| 1            | Apply & activate & spend at least 1 eligible transaction with the RHB Card within 60 days upon card approval   | 25                               | 4,000                                  | 300,000                     |
| 2            | Apply & activate & spend at least RM300 with the RHB Card within 60 days upon card approval<br><br><u>Card Type:</u> <ul style="list-style-type: none"><li>Group 1 - RHB Premier Visa Infinite/-i / Visa Infinite / World Mastercard/-i / Visa Signature</li><li>Group 2 – Other RHB Card except Group 1 and RHB Shell Visa Credit Card/-i</li></ul> | Group 1: RM200<br>Group 2: RM150 | Up to 1,300                            | 195,000                     |
| Bonus        | Every RM300 spent within 60 days from card approved date will be awarded 5 contest entries. 10 winners per month will be randomly selected by using a randomiser to win RM2,500 Cash Reward respectively   | RM2,500                          | 10                                     | 75,000                      |
| <b>TOTAL</b> |  |                                  |  | <b>570,000</b>              |

### Notes:

- a. Definition of Campaign Month:
  - Campaign Month 1: 1 October 2023 – 31 October 2023
  - Campaign Month 2: 1 November 2023 – 30 November 2023
  - Campaign Month 3: 1 December 2023 – 31 December 2023
- b. In the event if there is any unutilised cashback allocations, it can be carried forward to the following Campaign Month(s).

9. The supplementary Eligible Applicant's Eligible Transaction will be combined with the principal Eligible Applicant's Eligible Transaction during this Campaign in determining whether the Eligible Applicant satisfies the Participation Criteria as defined in Clause 6 above. For the avoidance of doubt, only the principal Eligible Applicant(s) will be in the running to receive cash back.



10. The principal Eligible Applicant will be rewarded with the Cashback, subject to the Campaign Capping, on first-come-first-served basis, as tabulated in "CAMPAIGN OFFER".
11. The cash back under this Campaign will be credited into the Eligible Applicant's RHB Card account within four (4) to ten (10) weeks from the end of the Campaign Period. The Eligible Applicant will receive notification of the cash back, if any, through the respective RHB Cards monthly statement that follows the date of the crediting of the cash back.
12. The Eligible Applicant's RHB Card account must be valid and must be in good standing as so determined by RHB at its discretion to be eligible for participation during and after the Campaign and/or for winning of the cash back. If, at any time during the Campaign Period, the Eligible Applicant cancels the RHB Card for any reason whatsoever, his/her participation in the Campaign becomes null and void with immediate effect.
13. In the event that any cash back awarded to and received by person(s) who is an Eligible Applicant but has committed fraudulent or wrongful acts in relation to their RHB Card and/or any transactions made thereof, RHB may disqualify such person(s) from participating in the Campaign and/or from redeeming the cash back or reverse back the cash back in the event it has been credited.
14. RHB shall not be held responsible or liable for any delay in the posting of the Eligible Transactions to the Eligible Applicants' RHB Card and/or error or omission in the posting of the same due to any reasons whatsoever and howsoever arising including to the delay on the part of the merchant unless the same is due to the gross negligence and /or default of RHB.

## **GENERAL TERMS & CONDITIONS**

15. By participating in the Campaign, the Eligible Applicant:
  - a. Agrees to be bound by the Terms and Conditions of the Campaign.
  - b. May access to RHB's Website to view the Terms and Conditions or call RHB Customer Contact Centre for up-to-date of the Terms and Conditions.
  - c. Agrees that the Campaign Offer featured in all printed materials and/or RHB's Website are for illustration purposes only. Any props, accessories or equipment featured with the Campaign Offer in any pictorial materials are for decorative purposes and shall not form part of the Campaign Offer.
  - d. Agrees that the Campaign Offer are non-transferable to any third (3rd) party and non-exchangeable for up-front cash, credit, cheque or in kind; in part or in full.
  - e. Agrees that RHB's decision on all matters relating to the Campaign and the Campaign Offer shall be final, conclusive and binding against them. The decision is made based on the Campaign mechanics. If there is any further dispute, please refer to RHB Customer Contact Centre at 03-9206 8118 or the Ombudsman for Financial Services (OFS) at 03-22722811.
  - f. Agrees to be personally liable for all taxes, government fees or any other charges that may be levied against them under the applicable laws, if any, in relation to accepting the Campaign Offer.



- g. Agrees to inform RHB if Eligible Applicant decides to discontinue further participation in this Campaign via RHB Contact Details as provided in clause 15(l) below.
- h. Agree that by giving personal information, the Eligible Applicant agrees with RHB to process their personal information for any and / or all the following purposes ("Purpose"), if applicable:
  - i. Managing the Campaign and contacting the Eligible Applicant in relation to the same, if applicable;
  - ii. cross-selling, marketing and promotion of RHB Group Banking products and / or services and its strategic partnerships; or
  - iii. other relevant and legitimate business objectives.
- i. Agrees to provide their consent to service providers, and vendors and any of their respective agents, servants and/or such persons, whether located within or outside Malaysia for the Purpose as stated in clause 15(h) above if applicable, subject at all times to any laws (including regulations, standards, guidelines and/or obligations) applicable to RHB.
- j. Agrees that it is necessary for RHB to process the Eligible Applicant's personal information for the Purpose, without which the Eligible Applicant will not be able to participate in this Campaign. The Eligible Applicant may exercise their options in respect of receiving marketing materials (including cross selling, marketing and promotions as described above) by contacting us through the RHB Contact Details.
- k. Agrees that photographs/images of the Eligible Applicant as winner may be captured and may be used for RHB's publications, where applicable.
- l. The Eligible Applicant may request for correction (if their personal information is inaccurate, outdated, incomplete, etc.), access to (no fees and charges will be imposed for the mode of access except for the fees and charges specified in the terms and conditions of Credit Card/-i.), or deletion (if the Eligible Applicant no longer have any existing products/services with RHB Banking Group) of the Eligible Applicant personal information or limit the processing thereof at any time hereafter by submitting such request via the following RHB Contact Details:  
Email: [customer.service@rhbgroup.com](mailto:customer.service@rhbgroup.com)  
Telephone number: 03-92068118

16. RHB may

- a. Disqualify any and all entries from any Eligible Applicant in this Campaign and prohibit that person from further participating in this Campaign in the event that there is suspicion that the Eligible Applicant tampered with or benefited from the tampering of the regulations of this Campaign or the Terms and Conditions stated herein;
- b. Cancel, terminate or suspend the Campaign with sufficient prior notice. Any cancellation, termination or suspension of the Campaign by RHB shall not entitle the Eligible Applicant(s) to any claim or compensation against RHB for any loss or damage incurred by the Eligible Applicant(s) as a direct and indirect result of such cancellation, termination or suspension; and
- c. Add, delete, suspend or vary the Terms and Conditions contained herein, either wholly or in part at its discretion by way of posting on RHB website and/or other means of communication that may be deemed appropriate by RHB with sufficient prior notice;



17. RHB shall not be liable for any default in respect of the Campaign due any act of God, war (whether declared or undeclared), strike, riot, civil commotion, and act of terrorists which are not attributable to the act, omission, default, negligence and/or misconduct on the part of RHB and/or any of its employees, representatives and agents.
  
18. In the event of any inconsistency between these Terms and Conditions and any other brochure, marketing or promotional materials relating to the Campaign, these Terms and Conditions shall prevail.



## Terma dan Syarat Kempen Pemerolehan Kad Kredit/-i RHB (Oktober – Disember 2023)

1. "Kempen Pemerolehan Kad Kredit/-i RHB Oktober - Disember 2023" ("Kempen") dianjurkan oleh RHB Bank Berhad (No. Pendaftaran 196501000373 (6171-M)) dan RHB Islamic Bank Berhad (No. Pendaftaran 200501003283 (680329-V)) (kedua-duanya dirujuk sebagai "**RHB**" kecuali jika dibezakan secara khusus). Kad Kredit RHB dan Kad Kredit-i RHB akan secara kolektif dirujuk sebagai "**Kad RHB**".

### TEMPOH KEMPEN

2. Kempen ini diadakan dalam tempoh berikut ("Tempoh Kempen"):
  - a. Tempoh pendaftaran bermula dari 1 Oktober 2023 – 31 Disember 2023, kedua-dua tarikh adalah termasuk dan ditakrifkan sebagai Tempoh Kempen apabila Pemohon Kad Yang Layak (seperti yang ditakrifkan dalam klausa 3 di bawah) memohon dan aktifkan Kad RHB baharu mereka.
  - b. Tempoh perbelanjaan bermula dari 1 Oktober 2023 – 28 Februari 2024, kedua-dua tarikh adalah termasuk dan ditakrifkan sebagai Tempoh Kempen apabila Pemohon Kad Yang Layak (seperti yang ditakrifkan dalam klausa 3 di bawah) belanja dengan Kad RHB baharu mereka (rujuk kepada Nota dalam klausa 8).

### KELAYAKAN

3. Kecuali pengecualian seperti yang diperuntukkan dalam klausa 4, Kempen ini terbuka kepada semua pemegang kad utama/tambahan yang dikeluarkan oleh RHB, termasuk Kad RHB yang dikeluarkan kepada kakitangan Kumpulan Perbankan RHB ("Pemohon Kad yang Layak").
4. Kempen ini tidak terpakai untuk:
  - a. Pemegang Kad RHB sedia ada;
  - b. Pemohon yang telah membatalkan mana-mana Kad RHBnya dalam tempoh dua belas (12) bulan sebelum tarikh permohonan dan sedang memohon Kad RHB di bawah Kempen;
  - c. Mana-mana individu yang telah melakukan atau disyaki telah melakukan penipuan atau perbuatan salah berhubung dengan mana-mana akaun RHBnya atau mana-mana kemudahan, perkhidmatan atau penginapan yang diberikan oleh RHB kerana RHB mungkin memutuskan untuk mengecualikan individu tersebut daripada menyertai Kempen ini tertakluk kepada budi bicaranya dengan notis bertulis terlebih dahulu.
  - d. Permohonan Menaik Taraf Kad - menaik taraf Kad RHB sedia ada kepada Kad RHB yang baharu
5. Bagi Pemohon Layak yang memohon Kad Kredit/-i RHB Shell Visa dari 1 Oktober 2023 hingga 31 Disember 2023:



- a. Pemohon yang Layak hanya layak mendapat ganjaran Tahap Bonus seperti yang digambarkan dalam Klausa 8.
- b. Pemohon yang Layak layak untuk menyertai Kempen Perolehan Kad Kredit/-i RHB Shell Visa (Jul – Dis 2023). Untuk set penuh terma dan syarat, sila rujuk <https://www.rhbgroup.com/latest-promotions/index.html>

#### KRITERIA PENYERTAAN

6. Pemohon Kad Yang Layak mesti memenuhi kriteria berikut dalam tempoh yang dinyatakan di bawah:
  - a. Memohon sebarang Kad RHB utama/tambahan dalam Tempoh Pendaftaran;
  - b. Pemohon Kad Yang Layak melakukan sebarang Perbelanjaan Layak (seperti yang ditakrifkan dalam klausa 7 di bawah) dengan Kad RHB.

Sekiranya Pemohon Kad yang Layak memegang kedua-dua Kad RHB (Konvensional dan Islamik), sebarang transaksi yang dilakukan melalui setiap kad tersebut tidak akan digabungkan untuk memenuhi Kriteria Penyertaan.

#### TRANSAKSI LAYAK

7. Transaksi Layak untuk Kempen ini adalah yang dicajkan kepada mana-mana Kad RHB Pemohon Kad Yang Layak termasuk Kad RHB tambahan dalam Tempoh Kempen.
  - a. Perbelanjaan runcit termasuk menambah nilai e-dompet.
  - b. Transaksi berikut tidak dianggap sebagai Transaksi Layak:
    - i. Pendahuluan Tunai & Kuasi Tunai
    - ii. Ansuran dibayar untuk Pelan Ansuran 0%
    - iii. Urus niaga pemindahan baki
    - iv. Tunai mudah & ansuran transaksi yang dibayar
    - v. Ansuran yang dibayar untuk program 'Dial-An-Instalment'
    - vi. Pemulangan pembayaran
    - vii. Urus niaga runcit yang dipertikaikan, tidak sah atau berunsur penipuan
    - viii. Bayaran yuran tahunan yang dikenakan ke atas yuran tahunan
    - ix. Pembayaran Faedah atau Yuran Pengurusan
    - x. Caj pembayaran lewat, caj untuk pengeluaran tunai dan lain-lain bentuk perkhidmatan / yuran pelbagai
    - xi. Transaksi berkaitan badan amal dan kerajaan dengan kod kategori pedagang (KKP) di bawah:

| Kategori Perbelanjaan | Penerangan KKP                             | Kod KKP |
|-----------------------|--|---------|
| Badan Amal            | Badan Amal atau Perkhidmatan Sosial        | 8398    |
| Kerajaan              | Kos mahkamah termasuk wang saraan dan anak | 9211    |
|                       | Denda                                      | 9222    |
|                       | Pembayaran wang jaminan dan bon            | 9223    |
|                       | Pembayaran cukai                           | 9311    |



|  |   |      |
|--|---|------|
|  | Perkhidmatan kerajaan                       | 9399 |
|  | Perkhidmatan pos - kerajaan                 | 9402 |
|  | Pembelian antara kerajaan - kerajaan sahaja | 9405 |

## TAWARAN KEMPEN

8. Pulangan tunai untuk Kempen adalah seperti jadual di bawah untuk sepanjang Tempoh Kempen:

| Peringkat    | Kriteria Kelayakan  | Pulangan Tunai (RM)                | Had bulanan setiap Bulan Kempen (#) | Jumlah Had Pulangan Tunai (RM) |
|--------------|---|------------------------------------|-------------------------------------|--------------------------------|
| 1            | Mohon & aktifkan & membelanja sekurang-kurangnya 1 transaksi yang layak dengan Kad RHB dalam tempoh 60 hari selepas kelulusan kad   | 25                                 | 4,000                               | 300,000                        |
| 2            | Mohon & aktifkan & membelanja transaksi yang layak sekurang-kurangnya RM300 dengan Kad RHB dalam tempoh 60 hari selepas kelulusan kad<br><br><u>Jenis kad:</u> <ul style="list-style-type: none"> <li>Kumpulan 1 – Kad Kredit/-i RHB Premier Visa Infinite / Visa Infinite / World Mastercard/-i / Visa Signature</li> <li>Kumpulan 2 – Kad Kredit RHB yang lain kecuali Kumpulan 1 dan Kad Kredit/-i RHB Shell Visa</li> </ul> | Kumpulan 1: 150<br>Kumpulan 2: 200 | Sehingga 1,300                      | 195,000                        |
| Bonus        | Setiap RM300 yang dibelanjakan dalam tempoh 60 hari dari tarikh kad diluluskan akan diberikan 5 penyertaan peraduan. 10 pemenang sebulan akan dipilih secara rawak dengan menggunakan randomizer untuk memenangi Ganjaran Tunai RM2,500 masing-masing   | RM2,500                            | 10                                  | 75,000                         |
| <b>TOTAL</b> |   |                                    |                                     | <b>570,000</b>                 |

### Nota:

- a. Definisi Bulan Kempen:
  - Bulan Kempen 1: 1 Oktober 2023 – 31 Oktober 2023
  - Bulan Kempen 2: 1 November 2023 – 30 November 2023
  - Bulan Kempen 3: 1 Disember 2023 – 31 Disember 2023
  
- b. Sekiranya terdapat sebarang peruntukan pulangan tunai yang tidak terpakai, ia boleh dibawa ke Bulan Kempen berikutnya.

9. Transaksi Layak dari Pemohon Kad yang Layak tambahan akan digabungkan dengan Transaksi Layak Pemohon Kad yang Layak utama sepanjang Kempen ini untuk menentukan sama ada pemegang kad utama memenuhi Kriteria Penyertaan seperti yang ditentukan dalam Klausula 6 di



atas. Untuk mengelakkan keraguan, hanya Pemohon Kad Yang Layak utama akan menerima pulangan tunai untuk Tawaran Pendaftaran dan Perbelanjaan.

10. Pemohon Utama yang Layak akan diberi ganjaran Pulangan Tunai, tertakluk kepada Had Kempen, atas dasar siapa cepat dia dapat, seperti yang dijadualkan dalam "TAWARAN KEMPEN".
11. Pulangan tunai di bawah Kempen ini akan dikreditkan ke dalam akaun Kad RHB Pemohon Kad Yang Layak dalam tempoh empat (4) hingga sepuluh (10) minggu dari tamat Tempoh Kempen. Pemohon Kad Yang Layak akan menerima notifikasi pulangan tunai, jika ada, melalui penyata bulanan Kad RHB selepas tarikh pulangan tunai dikreditkan.
12. Akaun Kad RHB Pemohon Kad Yang Layak mestilah sah dan berada dalam keadaan yang baik sebagaimana yang ditentukan oleh RHB mengikut budi bicaranya untuk layak menyertai semasa dan selepas Kempen dan / atau untuk memenangi pulangan tunai. Jika, pada bila-bila masa semasa Tempoh Kempen, Pemohon Kad Yang Layak membatalkan Kad RHB atas apa jua sebab, penyertaannya dalam Kempen akan dibatal dan tidak sah dengan serta-merta
13. Sekiranya sebarang pulangan tunai diberikan kepada dan diterima oleh individu yang melakukan penipuan atau melakukan tindakan yang salah berkaitan Kad RHB dan/atau apa-apa urusan niaga yang dibuat daripadanya, RHB boleh membatalkan penyertaan individu tersebut daripada menyertai Kempen dan/atau menghalang penebusan pulangan tunai atau menuntut balik sekiranya pulangan tunai telah dikreditkan.
14. RHB tidak akan bertanggungjawab atau dipertanggungjawabkan bagi apa-apa kelewatan dalam pencatatan Transaksi Layak ke Kad RHB Pemohon Kad Yang Layak dan/atau kesilapan atau peninggalan dalam pencatatan yang sama disebabkan oleh apa sebab jua dan bagaimana jua timbul termasuk kelewatan pada pihak peniaga melainkan yang sama disebabkan oleh kecuaiannya melampau dan/atau keingkaran RHB.

## TERMA DAN SYARAT UMUM

15. Dengan menyertai Kempen ini, Pemohon Kad Yang Layak:
  - a. Bersetuju untuk terikat dengan Terma dan Syarat Kempen.
  - b. Bersetuju untuk mengakses Laman Web RHB untuk melihat Terma dan Syarat atau menghubungi 'Pusat Perkhidmatan RHB' untuk Terma dan Syarat yang terkini.
  - c. Bersetuju bahawa Tawaran Kempen yang dipaparkan dalam semua bahan bercetak dan / atau Laman Web RHB adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja. Mana-mana alat, aksesori atau hadiah di mana-mana bahan bergambar adalah untuk tujuan hiasan.
  - d. Bersetuju bahawa Tawaran Kempen tidak boleh dipindah milik kepada mana-mana pihak ketiga dan tidak boleh ditukar dengan wang tunai, kredit, cek atau jenis wang tunai; sebahagian atau sepenuhnya.
  - e. Bersetuju bahawa keputusan RHB mengenai semua perkara yang berkaitan dengan Kempen, Tawaran Kempen adalah muktamad, konklusif dan terikat terhadap mereka. Keputusan dibuat berdasarkan mekanisme Kempen. Sekiranya terdapat pertikaian lanjut, sila rujuk Pusat Perkhidmatan RHB di 03-9206 8118 atau 'Ombudsman for Financial Services' (OFS) di 03-22722811.



- f. Bersetuju untuk bertanggungjawab secara peribadi untuk semua cukai, yuran kerajaan atau apa-apa caj lain yang mungkin dikenakan terhadap mereka di bawah undang-undang yang terpakai, jika ada, berkaitan dengan penerimaan Tawaran Kempen.
- g. Bersetuju untuk menghentikan penyertaan dalam Kempen ini dengan memaklumkan kepada RHB melalui Butiran RHB seperti yang dinyatakan dalam klausa 15 (l) dibawah.
- h. Bersetuju bahawa dengan memberikan maklumat peribadi, Pemohon Kad Yang Layak bersetuju dengan RHB untuk memproses maklumat peribadi mereka untuk apa-apa dan / atau semua tujuan berikut ("**Tujuan**"), jika berkenaan:
  - i. menguruskan peraduan ini dan menghubungi Pemohon Kad Yang Layak berhubung dengan yang perkara yang sama;
  - ii. jualan silang, pemasaran dan promosi produk dan / atau perkhidmatan Kumpulan Perbankan RHB dan perkongsian strategiknya; atau
  - iii. tujuan perniagaan lain yang berkaitan dan sah;
- i. Bersetuju untuk memberikan persetujuan mereka kepada penyedia perkhidmatan, dan penjual dan mana-mana ejen, pekerja dan / atau individu tersebut masing-masing, sama ada terletak di dalam atau di luar Malaysia untuk Tujuan seperti yang dinyatakan dalam klausa 15 (h) di atas jika berkenaan, tertakluk kepada sepanjang masa kepada mana-mana undang-undang (termasuk peraturan, piawai, garis panduan dan / atau kewajipan) yang terpakai kepada RHB.
- j. Bersetuju bahawa RHB perlu memproses maklumat peribadi Pemohon Kad Yang Layak untuk Tujuan ini, sekiranya tidak Pemohon Kad Yang Layak tidak akan dapat menyertai Kempen ini. Pemohon Kad Yang Layak boleh menggunakan pilihan mereka berkenaan dengan menerima bahan pemasaran (termasuk jualan silang, pemasaran dan promosi seperti yang diterangkan di atas) dengan menghubungi kami melalui Butiran RHB.
- k. Bersetuju bahawa gambar/imej Pemohon Kad Yang Layak sebagai pemenang boleh diambil dan boleh digunakan untuk penerbitan RHB, jika berkenaan.
- l. Pemohon Kad Yang Layak boleh meminta pembetulan (jika maklumat peribadi mereka tidak tepat, ketinggalan zaman, tidak lengkap, dll.), akses kepada (tiada yuran dan caj akan dikenakan untuk akses kecuali yuran dan caj yang dinyatakan dalam terma dan syarat Kad Kredit/-i), atau penghapusan (jika Pemohon Kad Yang Layak tidak lagi mempunyai produk / perkhidmatan sedia ada Kumpulan Perbankan RHB) tentang maklumat peribadi Pemohon Kad Yang Layak atau menghadkan pemrosesannya pada bila-bila masa selepas ini dengan mengemukakan permintaan tersebut melalui Butiran RHB yang berikut:

**E-mel:** [customer.service@rhbgroup.com](mailto:customer.service@rhbgroup.com)

**Nombor Telefon:** 03-92068118

16. RHB boleh:

- a. Membatalkan mana-mana dan semua penyertaan dari mana-mana Pemohon Kad Yang Layak dalam Kempen ini dan melarang individu itu daripada mengambil bahagian dalam Kempen ini sekiranya Pemohon Kad Yang Layak disyaki menyalahgunakan atau mendapat manfaat daripada penyalahgunaan peraturan Kempen ini atau Terma dan Syarat yang dinyatakan di sini
- b. Membatalkan, menamatkan atau menggantung Kempen ini dengan notis yang secukupnya terlebih dahulu. Apa-apa pembatalan, penamatan atau penggantungan Kempen oleh RHB tidak melayakkan Pemohon Kad Yang Layak menerima apa-apa tuntutan atau pampasan terhadap RHB bagi apa-apa kerugian atau kerosakan yang



ditanggung oleh Pemohon Kad Yang Layak sebagai akibat langsung dan tidak langsung daripada pembatalan, penamatan atau penggantungan ini dan

- c. Menambah, memadam, menggantung atau mengubah Terma dan Syarat yang terkandung di dalam ini, sama ada secara keseluruhan atau sebahagiannya mengikut budi bicaranya dengan cara memaparkannya di laman web RHB dan / atau melalui apa jua komunikasi yang dianggap sesuai oleh RHB pada bila-bila masa dengan notis yang secukupnya terlebih dahulu;
17. RHB tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang keingkaran yang berkaitan dengan Kempen ini disebabkan oleh bencana alam, peperangan (sama ada diisytiharkan atau tidak), mogok, rusuhan, tindakan perindustrian, atau tindakan pegganas yang tidak berpunca dari perbuatan, tindakan, keingkaran, kecuaiian dan/atau salah laku RHB dan/atau mana-mana pekerja, wakil atau ejen RHB.
  18. Sekiranya terdapat ketidakselarasan antara Terma dan Syarat ini dan sebarang bahan pengiklanan, pemasaran atau promosi lain yang berkaitan dengan Kempen ini, Terma dan Syarat ini akan diguna pakai.